

UPM terbit buku Keris Melayu Semenanjung

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) menerbitkan buku *Keris Melayu Semenanjung* dalam usahanya memelihara warisan ulung bangsa Melayu untuk generasi akan datang.

Ini kerana keistimewaan dan keunikan keris itu yang terletak pada seni pembuatannya menggambarkan ketinggian peradaban dan budaya bangsa Melayu suatu ketika dulu.

Penulisnya yang juga Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof Madya Dr Abdul Mua'ti Ahmad, (**gambar**) berkata penerbitan buku itu, khusus untuk rujukan peminat keris di seluruh dunia.

Ini adalah buku yang pertama diterbitkan, menceritakan sejarah, pembuatan dan pakaian keris berkenaan.

"Uniknya keris Semenanjung ini, ia berlainan mengikut negeri masing-masing dan ia adalah simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu menghasilkan senjata," katanya pada sidang media selepas Majlis Perutusan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Mohd Fauzi



Ramlan di universiti itu di sini, semalam.

Mohd Fauzi turut melancarkan buku *Keris Melayu Semenanjung* itu.

Mengulas lanjut, Abdul Mua'ti berkata, keris yang bernilai tinggi dan berkualiti diperbuat daripada tujuh jenis logam.

"Kebiasaannya jenis logam yang digunakan dalam pembuatan keris adalah besi tawar, baja dan pamor. Keris Taming Sari sendiri diperbuat daripada tujuh jenis logam," katanya.